

U GB 26-08 00197 BB957

BAH

KEJUJURAN DAN KETULUSAN UNTUK PERANGI JENAYAH

Mahathir - Penipuan (EMBARGO: Untuk Siaran Selepas 10 Malam, 26 Ogos)

I

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa hanya moral dan sistem nilai kesusilaan masyarakat yang menjadi penangkal sebenar dan berkesan terhadap jenayah kerana kuasa undang-undang ada hadnya.

Katanya, sesebuah masyarakat yang tidak mengambil berat tentang kejujuran dan ketulusan yang akan sentiasa dilanda jenayah termasuklah yang dilakukan penjenayah biasa.

+Pada zaman penjenayah yang berpendidikan sekarang, seorang penjenayah yang begitu bersungguh-sungguh akan dapat menipu bank, institusi dan orang perseorangan,+ katanya.

Semasa menyentuh mengenai penipuan zaman moden ini dalam ucapannya di Majlis Jamuan Malam Institusi Kewangan di sini, Perdana Menteri berkata, kini terdapat gesaan agar penjenayah kolar putih dikenakan hukuman yang lebih berat.

Kerajaan sebenarnya sedang mengkajinya tetapi undang-undang semata-mata tidak boleh menjadi satu-satunya cara untuk membanteras penyakit masyarakat ini, katanya.

Tahun lepas institusi bank melaporkan 193 kes penipuan membabitkan \$600 juta berbanding dengan 778 kes membabitkan \$30 juta pada 1990.

Ini tidak termasuk penipuan menggunakan kad kredit yang pada 1991 sahaja mencatatkan 14,006 kes membabitkan \$17 juta. -- Lagi.

▼26/08/20-01MST

U GB 26-08 00123 BB958

BAH

Mahathir - Penipuan 2 Kuala Lumpur (EMBARGO)

Mujurlah industri bank dapat mengesan banyak kes dan memperolehi semula kebanyakan wang yang dicuri melalui penipuan dengan kerugian sebenar berjumlah \$25 juta atau kurang daripada itu atau kurang daripada lima peratus daripada \$600 juta.

Perdana Menteri berkata, penipuan cek MIDF menonjolkan kelemahan-kelemahan bank.

Teknologi mendatangkan faedah kepada proses pemodenan dan meningkatkan produktiviti dan kehidupan tetapi ia juga mewujudkan peluang-peluang baru untuk melakukan penipuan.

Dr Mahathir berkata, bank haruslah sentiasa peka kepada potensi penipuan dan sebarang kealpaan hanya akan menggalakkan penjenayah untuk mengujinya.

Katanya, keyakinan awam akan terjejas sekiranya mereka mula mempersoal sama ada semua urusan mereka melalui sistem bank boleh dijalankan dengan selamat. -- Lagi.

▼26/08/20-02MST

BAH

Mahathir - Penipuan 3 (Akhir) Kuala Lumpur (EMBARGO)

Perdana Menteri juga menggesa ahli-ahli bank agar memberi sokongan lebih kepada golongan yang membawa pembaharuan dan para usahawan yang mempunyai wawasan dan semangat yang dinamik untuk mencipta tetapi hanya memiliki sedikit sandaran.

Katanya, ahli-ahli bank Malaysia dalam era ini perlu menerokai lebih jauh daripada pembiayaan tradisi yang berasaskan sandaran dan menceburi projek pembiayaan modal.

Menurutnya, beliau bukan mengesyorkan agar ahli-ahli bank meneroka secara membabi buta.

+Yang saya maksudkan ialah ahli-ahli bank hendaklah bersedia menanggung risiko yang munasabah dalam lapangan yang belum banyak diceburi dan tidak hanya mengikuti jejak langkah orang lain,+ katanya.

+Risiko yang munasabah harus dihadapi jika tidak, perniagaan anda bukanlah perniagaan bank.+

Dr Mahathir berkata, perniagaan bank membabitkan pengurusan risiko -- semua risiko dan bukan setakat risiko kredit.

+Sudah tiba masanya bagi ahli-ahli bank melakukan tugas itu yang memberikan gaji yang lumayan kepada mereka,+ katanya. -- Bernama.

▼26/08/20-03MST